

Buletin Perpustakaan Universiti Malaya



University of Malaya Library Bulletin

Kekal Abadi

<https://umlib.um.edu.my>

Jil.35 Bil.2 Julai - Disember 2017

Vol. 35 No.2 July - December 2017

ISSN 0127-2578



The Nucleus of Knowledge

2017

AJK Penerbitan *Publications Committee*

Adida Mohd Amin, Juhaida Abd Rahim,
Haslan Tamjehi, Sabariah Basir,
Dr Zahril Shahida Ahmad, Dr Ranita Hisham,
Nor Mohamad Faiz Nor Fassal

Penasihat *Advisor*

Dr Khasiah Zakaria

Ketua Editor *Editor-in-Chief*

Haslan Tamjehi

Perekaletak *Typesetter*

Nor Mohamad Faiz Nor Fassal & Juhaida Abd Rahim

Gambar Kulit *Cover Page*

Koleksi *Red Chamber*
Red Chamber Collection

Foto Gambar Kulit *Cover Page Photo*

Azwan Mohd Naser

Penerbit *Publisher*

Perpustakaan Universiti Malaya *University of Malaya Library*
50603 Kuala Lumpur

Telefon *Telephone*

03-7967 3206

Faks *Fax*

03-7957 3661


Emel *Email*

kekalabadi@um.edu.my

Available online at
<https://umlib.um.edu.my>

Contribution of articles relating to the library science discipline are most welcome subject to the approval of the Editorial Board

Freeing Librarians to be Librarians



Kekal Abadi was published quarterly from March 1982 (volume 1, number 1) until 1998 (volume 17). Volumes 17 (1998), 18 (1999), 24 (2005) and 25 (2006) were published as single issue volumes. Volumes 19 (2000), 23 (2004), and 26 (2007) onwards, are published twice yearly.

KEKAL ABADI

Jil. 35 (2) 2017 *Vol. 35 (2) 2017*

ISSN 0127-2578

KANDUNGAN / *CONTENTS*

Artikel *Article*

Perkhidmatan Sokongan Penyelidikan di Perpustakaan Khusus, Universiti Malaya

Datin Adlina Norliz Razali, Hanani Fauzi & Adida Mohd Amin 6

Laporan *Report*

Doctor of Philosophy (Information Management) at UiTM Puncak Perdana, Shah Alam, Selangor

Dr Zahril Shahida Ahmad 12

Laporan Majlis Perasmian Pelancaran Koleksi *Dream of the Red Chamber* Universiti Malaya

Low Li Qin 16

Projek Pameran Atas Talian

Siti Mawarni Salim 23

Konvensyen Kumpulan Inovatif & Kreatif (KIK) Peringkat Universiti Awam Kali ke-13

Haniza Adnan 32

International Conference on Library and Information Science

Haniza Adnan 33

Laporan program JST Sakura Science Exchange Program "Providing Technical Support of Constructing and Maintaining Academic Information Infrastructure to Libraries in Malaysia"

Vijayalatchumy Maruthaveeran & Aimi Ihsan Mohd Zaidi 34

Laporan Taklimat Perolehan Proses Hak Milik Bahan

Haslina Husain 53

Hal Ehwal Perpustakaan *Library Matters* 55

Biodata Mantan Ketua Pustakawan *Biodata of Former Chief Librarian*

Dr Nor Edzan Che Nasir 62

Guidelines for Contributors 73

Perkhidmatan Sokongan Penyelidikan di Perpustakaan Khusus, Universiti Malaya

Datin Adlina Norliz Razali¹, Hanani Fauzi² & Adida Mohd Amin³
Perpustakaan Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia

adlina@um.edu.my¹, hananif@um.edu.my², adida@um.edu.my³

Abstrak

Perpustakaan khusus adalah perpustakaan yang menyediakan maklumat dan perkhidmatan kepada pengguna perpustakaan yang khusus kepada sesuatu bidang sahaja. Di kebanyakan institusi pengajian tinggi, perpustakaan seperti ini diwujudkan di fakulti. Kebiasaannya, Perpustakaan ini bersaiz kecil, mempunyai koleksi dalam bidang khusus dan dipantau oleh Perpustakaan Utama. Fungsi utama Perpustakaan Khusus adalah memberi perkhidmatan sokongan penyelidikan yang berkualiti kepada para pengguna.

Katakunci: Perpustakaan khusus; pusat maklumat; perkhidmatan berkualiti

Abstract

Special libraries are libraries that specialise in providing information tools for particular subjects and clients, as well as providing those customers with specific facilities. Commonly, in most institutions of higher learning, these libraries are attached to the faculties. A special library is normally small, dealing with specialised collections and monitored by the Central Library. The main function of the Special Library is to provide quality services.

Keywords: *Special libraries; information centre; quality services*

Pendahuluan

Perpustakaan khusus dikenali dengan pelbagai nama antaranya pusat maklumat, pusat sumber, pusat pengetahuan dan pusat penyelidikan. Ia ditubuhkan untuk memenuhi keperluan maklumat bagi pengguna dengan keperluan dan kehendak yang jelas. Setiap perpustakaan khusus mempunyai koleksi yang menjurus kepada bidang tertentu.

Sebagai contoh, Perpustakaan di Fakulti Kejuruteraan mempunyai semua koleksi berkaitan bidang kejuruteraan seperti kejuruteraan awam, mekanikal, elektrik, kimia dan bioperubatan. Terdapat juga bahan-bahan rujukan asas dan piawaian yang kesemua bertujuan untuk memenuhi keperluan penyelidikan di fakulti. Ini kerana pengguna di perpustakaan khusus adalah kumpulan pengguna dengan kehendak maklumat yang lebih spesifik.

Perpustakaan ini terletak di fakulti kerana tujuan asalnya adalah untuk memberikan perkhidmatan kepada semua warga fakulti sama ada staf akademik atau pelajar. Ia juga turut memberi perkhidmatan kepada semua pengguna perpustakaan yang berdaftar di seluruh kampus untuk rujukan dan pinjaman dalam tempoh yang terhad.

Matlamat Perpustakaan Khusus

Terdapat 4 perkara yang perlu diberi tumpuan oleh pemberi perkhidmatan sebelum dapat merealisasikan matlamat ini: (1) Promosi kepada sasaran yang tepat ; (2) penglibatan individu yang tertentu; (3) penekanan kepada faktor kepercayaan ; (4) Menggalakkan pemberi perkhidmatan untuk sentiasa belajar dan menambah pengetahuan (Berry, 1995)

Bagi mencapai matlamat tersebut, pengurusan perpustakaan perlu turut serta memberikan sokongan dan memenuhi keperluan Perpustakaan Khusus bagi membolehkan perkhidmatan terbaik diberikan kepada pengguna. Semua pihak perlu bekerjasama memberi input dan melaksanakan tanggungjawab. Staf pelaksana dan pengurusan boleh membuat keputusan dan menyediakan latihan yang sewajarnya bagi menjamin mutu perkhidmatan bagi memastikan misi organisasi tercapai (Berry, 1995).

Perkhidmatan Sokongan Penyelidikan

Perkhidmatan berkualiti merupakan tanggapan secara menyeluruh berkaitan dengan keunggulan perkhidmatan contohnya perpustakaan bersedia untuk bertindak bagi memenuhi keperluan pelanggan (Hernon, 2015).

Bagi memenuhi keperluan pengguna, pelbagai inisiatif telah diambil oleh pihak perpustakaan berkaitan dengan kesediaan perpustakaan memberi perkhidmatan yang khusus bagi memenuhi keperluan pengguna seperti:

i. Kursus Kemahiran Maklumat

Kursus ini bertujuan untuk melengkapkan pelajar dengan kemahiran mencari maklumat menggunakan sistem IT di perpustakaan bagi membolehkan mereka berdikari semasa proses pembelajaran dan penyelidikan. Kursus GIG1004 adalah salah satu Kursus Universiti yang ditawarkan oleh perpustakaan kepada semua pelajar tahun satu yang mendaftar di Universiti Malaya dan pelajar diwajibkan lulus kursus ini untuk menyempurnakan keperluan pengijazahan. (Buku Kaedah-kaedah Universiti Malaya (Pengajian Ijazah Pertama) 2013 Peraturan-Peraturan Universiti Malaya (Pengajian Ijazah Pertama) 2013). Oleh kerana ia merupakan kursus wajib, pelajar telah diajar tentang pengetahuan cara mengakses bahan yang berkesan serta penyediaan rujukan yang lebih sistematik untuk diaplikasikan di dalam setiap tugas terutamanya projek latihan ilmiah.

ii. Perkhidmatan Sesi Kemahiran Maklumat

Menjadi sebahagian tanggungjawab pustakawan di perpustakaan khusus untuk menyediakan perkhidmatan literasi maklumat dan panduan penyelidikan terutamanya kepada pelajar ijazah tinggi. Pustakawan perpustakaan khusus akan berhubung dengan pihak fakulti untuk memastikan perkhidmatan ini menjadi salah satu komponen di dalam kurikulum pengajaran. Kebiasaannya, Pustakawan perpustakaan khusus akan diminta oleh pihak fakulti untuk mengadakan

Sesi Kemahiran Maklumat sewaktu sesi pengajaran Metodologi Penyelidikan.

Sesi kemahiran maklumat ini diadakan dari masa ke semasa secara berasingan untuk pelajar ijazah dasar (tahun akhir), ijazah tinggi dan staf akademik. Cara ini dapat membantu memahami keperluan kategori pengguna yang berbeza serta corak pendekatan yang sesuai. Pelajar didedahkan kepada pengajaran mengenal pasti jenis bahan yang terdapat di Perpustakaan seperti buku, jurnal, tesis dan disertasi, kertas kerja persidangan, mikrofon dan kaedah pencarian bahan ini di perpustakaan.

Pelajar juga diajar cara untuk mengakses dan mencari bahan dari pangkalan data elektronik seperti IEEE, ProjectMUSE, Springerlink, ScienceDirect dan sebagainya. Bagi pelajar ijazah tinggi, mereka akan diterangkan cara mengakses pangkalan data elektronik seperti Web of Science dan juga kaedah sitasi seperti Endnote yang turut diajar kepada pelajar ijazah dasar.

Mengikut Melissa Gross & Don Latham (2007), kuasa maklumat mengenal pasti tiga bidang yang luas dalam piawaian literasi maklumat untuk pembelajaran pelajar iaitu; literasi maklumat, pembelajaran sepanjang hayat, dan tanggungjawab sosial. Dalam literasi maklumat, terdapat tiga kecekapan teras seseorang pelajar iaitu pelajar yang cekap dan celik mengakses maklumat secara berkesan, pelajar yang cekap menilai maklumat secara kritis dan kompeten, serta pelajar yang cekap menggunakan maklumat dengan tepat dan kreatif (Persatuan Amerika untuk Pustakawan Sekolah dan Persatuan Komunikasi dan Teknologi Pendidikan, 1998). Menurut laporan ini, literasi maklumat adalah "satu set kemampuan menghendaki individu untuk 'mengenal maklumat dan mempunyai keupayaan untuk mencari, menilai, dan menggunakan maklumat yang diperlukan dengan berkesan" (Persatuan Kolej dan Penyelidikan Perpustakaan, 2000).

iii. Perkhidmatan Meja Rujukan

Menurut Stephen J. Bell (2007), perkhidmatan meja rujukan tidak lagi relevan kerana pengguna telah mula beralih kepada mendapatkan informasi daripada Internet. Penurunan pertanyaan rujukan di meja rujukan daripada 150,000 tahun 1988 kepada 100,000 pada tahun 2003 menunjukkan bahawa perkhidmatan tersebut tidak lagi relevan pada masa kini. Namun begitu, perpustakaan khusus Universiti Malaya masih lagi menawarkan perkhidmatan ini kerana interaksi secara bersemuka lebih digemari oleh pengguna. Pengguna berpeluang menjelaskan kehendak mereka secara spesifik dan pustakawan membantu memberikan khidmat runding mengikut keperluan pengguna berkenaan. Kaedah ini juga paling digemari oleh pengguna untuk mendapatkan maklumat berhubung sesuatu topik penyelidikan.

iv. Panduan Subjek

Panduan subjek diwujudkan mengikut pengkhususan sesebuah fakulti. Ia memberikan petunjuk mengenai sumber subjek dalam topik tertentu berdasarkan bidang yang terdapat di fakulti

berkenaan. Pengguna boleh membuat pencarian mengikut tajuk topik. Dengan cara ini, pengguna akan lebih mudah menemui maklumat yang berkaitan dengan subjek yang dicari selain mendapatkan sumber yang relevan untuk penyelidikan mereka. Untuk memudahkan pengguna, senarai tajuk buku-buku yang baru dibeli turut diasingkan mengikut jabatan. Ini amat membantu pelajar baru yang tidak begitu arif mengenai tajuk bahan rujukan yang berkaitan dengan kursus mereka.

v. Penyediaan Senarai Bahan Bacaan Bagi Rujukan Para Pelajar

Telah menjadi tanggungjawab utama pustakawan di perpustakaan khusus untuk mendapatkan dan mengemaskini senarai bacaan daripada pihak fakulti pada awal tahun dalam memastikan pelajar dapat menggunakan bahan tersebut dalam aktiviti pembelajaran dan penyelidikan. Kesemua bahan bacaan ini akan cuba diperolehi sebagai sebahagian dari koleksi perpustakaan. Bagi memastikan semua pelajar dapat merujuk bahan yang terhad ini, maka senaskhah bahan akan dimasukkan ke dalam Koleksi Teras Akademik yang menghadkan pinjaman untuk 3 hari sahaja berbanding 2 minggu atau 1 bulan untuk bahan bacaan biasa.

vi. Perkhidmatan pinjaman antara perpustakaan (PAP) dan pembekalan dokumen

Pelbagai usaha dilakukan oleh perpustakaan untuk memastikan perkhidmatan yang ditawarkan dapat membantu kelancaran proses pencarian maklumat oleh pengguna. Pihak perpustakaan telah mengambil inisiatif dengan menyediakan perkhidmatan Pinjaman Antara Perpustakaan (PAP) dan Pembekalan Dokumen yang telah menjadi antara perkhidmatan terpenting yang disediakan oleh Perpustakaan Universiti Malaya (PUM). Ia bertujuan untuk memenuhi keperluan penggunaanya bagi mendapatkan bahan perpustakaan yang tidak tersedia dalam koleksi.

Perkhidmatan PAP adalah kolaborasi yang terjalin di antara Perpustakaan Pusat dan Perpustakaan Cawangan semua universiti tempatan, perpustakaan kerajaan dan semi-kerajaan yang bernaung di bawah Persidangan Perpustakaan Universiti dan Perpustakaan Negara (PERPUN). Oleh itu, tiada bayaran dikenakan bagi perkhidmatan tersebut. Walau bagaimanapun, perpustakaan peminjam perlu mengemukakan jaminan untuk menggantikan bahan pinjaman yang hilang atau tidak dikembalikan kepada perpustakaan pemberi pinjaman begitu juga sebaliknya. Manakala perkhidmatan pembekalan dokumen, selain institusi yang dinyatakan di atas, Perpustakaan juga berkolaborasi dengan institusi dari luar negara seperti British Library dan National University of Singapore (NUS).

Perkhidmatan ini diberikan secara percuma kepada pelajar mahasiswa tahun akhir, pelajar pas-casiswazah dan staf akademik yang ingin mendapatkan bahan yang tiada di dalam koleksi Perpustakaan Universiti Malaya. Perkhidmatan ini disediakan bagi memastikan sumber rujukan adalah mencukupi dan tidak menjejaskan kelancaran pembelajaran dan penyelidikan yang dijalankan.

Cabaran Sebagai Pustakawan Perpustakaan Khusus

Surendra Pal mendefinisikan pustakawan di perpustakaan khusus, “sebagai individu yang terlatih secara profesional yang bertanggungjawab untuk menjaga perpustakaan dan kandungannya, termasuk pemilihan, pemprosesan dan pengurusan sumber serta penyampaian maklumat dan perkhidmatan pinjaman untuk memenuhi keperluan penyelidik” (Pal, 2012).

Namun peranan tradisional pustakawan seperti yang dinyatakan di atas perlu berubah sesuai dengan transformasi perpustakaan di peringkat global. Untuk meneruskan kesinambungan dalam memberikan perkhidmatan berkualiti, ia perlu ditakrifkan semula agar selari dengan perubahan medium pencarian bahan serta kebanjiran maklumat.

1. Perubahan fungsi pustakawan daripada pengurusan bahan fizikal kepada pengurusan maklumat di dalam sumber dalam talian. Pustakawan perlu bersedia dan memperbanyakkan perolehan sumber maklumat secara dalam talian kerana pola penggunaan bahan fizikal yang menurun dan pengguna yang tidak lagi berminat untuk hadir secara fizikal ke perpustakaan.
2. Kebanjiran sumber maklumat secara dalam talian memerlukan pustakawan untuk fokus kepada kemahiran mengakses bukan lagi tertumpu kepada perolehan dan pemprosesan bahan fizikal. Pustakawan perlu memahirkan diri dan peka dengan pertambahan maklumat dalam bidang penyelidikan di fakulti dan cara mengakses bahan tersebut agar dapat memberikan khidmat nasihat yang lebih berimpak.
3. Pustakawan perlu mengasah kemahiran dalam mengakses bahan dan menyebarkan maklumat yang sesuai dengan keperluan staf di fakulti. Pustakawan perlu berpengetahuan dan berkemahiran untuk mengakses bahan yang tepat dalam masa yang singkat. Ini bagi membantu penyelidik agar dapat memfokus lebih masa kepada penyelidikan.
4. Pustakawan harus berubah menjadi pencari maklumat yang serba boleh. Memberi maklumat yang tepat pada masa yang tepat untuk menyokong penyelidikan seterusnya meraih kepercayaan di kalangan staf akademik.

Kesimpulan

Perpustakaan khusus di Universiti Malaya telah mengenal pasti ruang penambahbaikan dalam sistem perpustakaan berdasarkan cadangan daripada pengguna seperti memperkemaskan perkhidmatan sembang secara maya iaitu LiveChat menggantikan perkhidmatan meja rujukan. Selain itu, terdapat juga interaksi menerusi sosial media seperti Facebook, blog, Twitter, dan Instagram yang boleh dicapai oleh pengguna perpustakaan.

Penambahbaikan ini juga turut merangkumi aspek-aspek perkhidmatan sokongan yang boleh ditawarkan kepada pengguna untuk menyokong proses penyelidikan mereka. Perkhidmatan sokongan

ini perlu mengikut perubahan dari segi teknologi, kehendak, dan keperluan semasa. Bagi mencapai matlamat ini, pustakawan perpustakaan khusus perlu meningkat pengetahuan dan kemahiran dalam pelbagai aspek bagi menangani perubahan dengan berkesan dan memenuhi jangkaan pengguna.

Rujukan

- American Library Association. MARS Ad Hoc Committee on Virtual Reference Guidelines. (2003). Draft guidelines for implementing and maintaining virtual services. Chicago, IL: American Library Association. Retrieved 12 December, 2003 from http://www.ala.org/Content/NavigationMenu/RUSA/Our_Association2/RUSA_Sections/MARS/Our_Section3/Committees14/Draft_Virtual_Reference_Guidelines.htm
- Bell, S. J. (2007). Who need a reference desk? *Library Issues*, 27(6): 1-4.
- Berry, L. L. (1995). *On great service: a framework for action*. New York: The Free Press.
- Gross, M. and D. Latham (2007). "Attaining information literacy: An investigation of the relationship between skill level, self-estimates of skill, and library anxiety." *Library & Information Science Research* 29(3): 332-353.
- Hernon, P., Altman, Ellen, Dugan, Robert E. (2015.). *Assessing service quality: satisfying the expectations of library customers*. London: American Library Association
- Pal, S. K. (2012). Role of librarian (cybrarian) in the modern library (cybrary): with special reference to research library. Paper presented at the Proceeding research libraries: need of the time, Agaratala, India.

Doctor of Philosophy (Information Management) at UiTM Puncak Perdana, Shah Alam, Selangor

Dr Zahril Shahida Ahmad

(Study leave period: August 23, 2013 to August 23, 2016)

After 11 years of working as a librarian at the University of Malaya Library, I was granted a 3-year study leave which I took from 24 August 2013 to 23 August 2016. It was sponsored by the Ministry of Higher Education Malaysia under the Federal Training Gift Scheme (HLP) for a non-academic IP-TA official. As the specific condition of the scholarship is that the staff have to pursue study other than the university she served, I had enrolled at the Faculty of Information Management, MARA University of Technology, Malaysia.

The Journey

I would like to describe my 4 1/2 years journey as a Ph.D. student may seem rocky but I feel great about it. There have been ups and downs, sorrow and thrill and unexpected hurdles but I enjoyed every inch of this meaningful journey. Ironically, my journey started with the sudden demise of my supervisor just after three months of the enrolment, replaced by another supervisor who was then retired when I was just started writing the thesis and gratefully replaced by the third supervisor whom I completed my journey with. Nevertheless, I felt very grateful to have them all as my supervisors. Their tremendous support, helpful guidance, insights, feedback, and kindness during my study are indeed precious and invaluable. Indeed, having an understanding and supportive supervisor for me is critical. They will help and push you to achieve the best result in your journey. I am lucky to have very good supervisors. We always communicate to each other and they always very passionate in helping me in doing research and writing the thesis. The rule of thumb for supervisor-supervisee relationship are asking questions if you don't understand, ask your supervisor, give justification if you want to propose ideas, admit what you don't know and don't take any issue between you and supervisor personally. For me, this is especially important to achieve mutual understanding and a supervisor-supervisee relationship that will direct the success of the journey. The journey of a Ph.D. is indeed lonely. Several times I felt like I wanted to quit. I asked myself a few times...Why am I so ambitious to further study? Why am I applying for the scholarship in the first place? Ahh, so many things I have to understand...so many never-ending reading and writing... I want to quit now...Fortunately, I have peers that constantly motivate each other. We frequently talked about our journey, discussing issues related to our research, families, and work. We are always there for each other, lend our ears and shoulders for someone who needs it. This reminds me that I am not alone in this journey! Ph.D. is tough but it is not impossible to achieve! Enjoy the journey and you will create a wonderful memory!

The Activities

During the study, I attended a few conferences and colloquiums. Among those is the 1st International Conference on Information Management and Industrial Engineering (ICIMIE 2015), 9th to

10th January 2015 Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia; PCSSBR 2016: 2nd International Postgraduate Conference on Social Science and Business Research 2016, 13th to 14th December 2016 Langkawi, Kedah, Malaysia; The Postgraduate Academic Colloquium in Information Science and Information Management 2015, UiTM Puncak Perdana, Selangor; and the 3rd International Postgraduate Colloquium in Information Science (IPCIS 2017) held at STOU, Nonthaburi, Thailand, 27-30 August 2017 in collaboration with School of Liberal Arts, Sukhothai Thammathirat Open University (STOU).



Picture 1: Participants of the 2nd International Postgraduate Conference on Social Science and Business Research 2016, 13th to 14th December 2016 Langkawi, Kedah, Malaysia



Picture 2: Participants of the 3rd International Postgraduate Colloquium in Information Science (IPCIS 2017) held at STOU, Nonthaburi, Thailand, 27-30 August 2017

I had also participated in a series of presentations as a requirement for the student to present the report on research progress for the faculty and supervisors to monitor students' progress and performance every semester. All the conferences and colloquiums that I had participated in were such a wonderful experience. I gained a lot of fruitful knowledge from the feedback and sharing sessions during the events.

The Thesis and Challenges

The Intention to adopt electronic publishing: a case of Malaysian study is the title of my thesis suggested by the examiners during the viva presentation. The previous title was "the adoption of electronic publishing amongst Malaysian publishers. Well, I guess, this is one of the unexpected circumstances that come our way during the journey. Gratefully, it did not cause huge changes in the content except for the title.

The objectives of my study are 1) to solicit problems faced by Malaysian publishers in adopting electronic publishing; 2) to determine technological factors that facilitate the intention to adopt electronic publishing amongst Malaysian publishers; 3) to determine organisational factors that facilitate the intention to adopt electronic publishing amongst Malaysian publishers, and 4) to determine environmental factors that facilitate the intention to adopt electronic publishing amongst Malaysian publishers. My study is drawn on the organisation adoption theory by Tornatzky and Fleicher (1990) namely Technology, Organisation & Environmental (TOE) Framework. The data collection employed a self-administered survey technique using the questionnaire as the instrument. The Statistical Package of Social Sciences software (SPSS) version 22 and partial least square (PLS) techniques version 3.0 were used to test and validate the research model and proposed research hypotheses.

The findings from my study reported that organisational and environmental factors entail the intention to adopt electronic publishing amongst Malaysian publishers. Nevertheless, the technological factors do not support the intention to adopt electronic publishing in Malaysia. My study exhibit its the problems that hinder the adoption of electronic publishing in Malaysia that should be seriously taken into when making decisions about pursuing electronic publishing are publishers' perception about electronic publishing, technology, and devices problems, and market and regulatory issues.

Despite the useful findings of this study, I found several limitations that need to be considered. First, the sample of this research was derived from the Malaysian Book Publishers Association and it was limited to publishers located in Selangor and Kuala Lumpur. As such, generalisations from the findings of this research are limited. Secondly, a research method that combines quantitative and qualitative studies could be conducted to provide a more robust perspective on electronic publishing adoption in Malaysia. As such, complex issues in electronic publishing adoption in Malaysia could be explored. Thirdly, further research could examine other factors that are related to electronic publishing adoption by combining the TOE factor with other technology adoption theories.

I believe that this study can also be extended for further exploratory analyses of the stages of technology adoption to provide a useful guide for developing electronic publishing adoption decisions.

I believe that every Ph.D. candidate has a different story upon completing the thesis. As for me, the most challenging phase that I have faced is distributing and collecting the data. As the respondents are among publishers, I guess getting involved in research is not the norm in their publishing world. For the first two weeks after the survey was posted online, only 6 completed questionnaires were returned. As time is my concern and after the discussion with my supervisor, I had personally visited the respondents to pass the questionnaire. The hardest part is that their offices are scattered all around Kuala Lumpur and Klang Valley and I am an alien to those places. Thanks to Google Maps who helped me find them all! Gratefully, after some hard work, I managed to convince them to participate in the survey and completed the survey, hence, completed the thesis.

Here Comes the Day!

I passed my Viva with minor corrections on 17 November 2017. For now, I am grateful and looking forward to the senate endorsement of the completion and the convocation day where I will be granted the award.

A Token of Appreciation

I would like to thank the management of the University Malaya Library and the University of Malaya for the approval of a 3-year study leave. Thank you to the Ministry of Higher Education for the sponsorship. Thanks to all family and friends for the support and prayers. Without all the support, my journey is impossible. Above all, thank you ﷻ the most Gracious and Merciful for the bountiful blessings and gifts!

Laporan Majlis Perasmian Pelancaran Koleksi *Dream of the Red Chamber* Universiti Malaya
1 Julai 2017: Aras 4, Perpustakaan Utama, Universiti Malaya

Low Li Qin

Pada 1 Julai 2017, Perpustakaan Universiti Malaya (PUM) telah mengadakan satu majlis bagi meraikan penerimaan sumbangan koleksi khas yang unik dan istimewa daripada seorang alumni Universiti Malaya (UM), Tan Sri Chan Kong Choy. Beliau merupakan bekas pelajar di Jabatan Pengajian Tionghoa, Fakulti Sastera dan Sains Sosial UM (*First Class Honours*, tahun 1979). Sewaktu Tan Sri Chan Kong Choy masih belajar di UM dalam bidang Pengajian Tionghoa, beliau telah menaruh minat dan “jatuh cinta” pada karya ini. Kali pertama beliau menemui karya ini adalah di Perpustakaan UM dan kenangan manis yang tidak dapat dilupakan inilah yang mendorong beliau untuk menyumbangkan koleksi peribadi yang telah dikumpul dan disimpan hampir 40 tahun dari seluruh dunia kepada Universiti Malaya yang juga *alma mater* tercinta beliau.

Koleksi yang diberi nama “*Dream of the Red Chamber Research Collection*” ini sangat unik dan bernilai kerana ia merupakan koleksi yang mengkhusus pada satu tema dan bidang yang tertentu. Di samping itu, ia juga merupakan koleksi *Redology* yang terbesar di Malaysia dan Asia Tenggara selain di China dan rantau Asia Timur. Koleksi ini telah ditempatkan di sebuah bilik khas di Aras 4, Perpustakaan Utama UM.

Redology atau Hongxue ialah bidang kajian dan penyelidikan mengenai karya “Mimpi di Mahligai Merah” atau *Dream of the Red Chamber* atau Hongloumeng yang merupakan sebuah hikayat yang teragung dalam sejarah kesusasteraan Cina. Karya ini yang dikarang oleh Cao Xueqin dan dihasilkan pada zaman Dinasti Qing, iaitu dalam pertengahan abad ke-18 telah menarik perhatian ramai dan menjadi semakin popular sejak penghasilan dan penerbitannya pada ketika itu. Karya ini kaya dengan unsur kesenian dan mempunyai nilai sosial yang mendalam serta nilai sejarah yang tinggi. Karya ini juga dianggap sebagai ensiklopedia budaya Cina kerana kandungannya yang meliputi pelbagai aspek misalnya seni bina, seni lukis, sistem perkahwinan dan aturcara pengebumian, makanan, minuman, masakan, tumbuhan, amalan perubatan tradisional dan lain-lain lagi. Terjemahan Bahasa Melayu untuk karya ini juga akan diterbitkan dan dilancarkan pada bulan September 2017 oleh Tan Sri Chan Kong Choy.

Tan Sri Chan Kong Choy amat berharap agar koleksi “*Dream of the Red Chamber Research Collection*” ini bukan sahaja dapat dinikmati dan dimanfaatkan oleh warga UM, malah juga oleh sarjana dan pencinta sastera dari dalam dan luar negara. Beliau juga berharap agar lebih banyak kajian dan penyelidikan sama ada yang berkaitan dengan sastera klasik Cina atau sastera perbandingan (*comparative literature*) contohnya perbandingan sastera Melayu dan Cina dapat dihasilkan pada masa yang akan datang.

Majlis ini telah dihadiri dan disempurnakan oleh Dato’ Sri Liow Tiong Lai (Menteri Pengangkutan Malaysia), Encik Zhang Jiexin (Pengarah Pejabat Kebudayaan Kedutaan China di Malaysia yang juga

wakil kepada Dr. Huang Huikang, Duta Besar Khas Plenipotensiari China ke Malaysia), Tan Sri Chan Kong Choy (Penyumbang Koleksi), Dato' Ng Tong Hai (Pengerusi Persatuan Siswazah Jabatan Pengajian Tionghoa (PEJATI) Universiti Malaya), Profesor Dr. Awang Bulgiba Awang Mahmud (Menjalankan Fungsi Sebagai Naib Canselor Universiti Malaya), Encik Mahbob Yusof (Pemangku Ketua Pustakawan UM), Profesor Madya Dr. Hanafi Hussin (Dekan Fakulti Sastera dan Sains Sosial UM), Profesor Madya Dr. Fan Pik Wah (Ketua Jabatan Pengajian Tionghoa, Fakulti Sastera dan Sains Sosial UM) dan para tetamu jemputan khas.



Gambar 1: (dari kiri ke kanan) Tan Sri Pheng Yin Huah (Presiden Gabungan Pertubuhan Cina Malaysia), Tan Sri Chan Kong Choy (Penyumbang Koleksi), Dato' Sri Liow Tiong Lai (Menteri Pengangkutan Malaysia), Encik Zhang Jiexin (Pengarah Pejabat Kebudayaan Kedutaan China di Malaysia yang juga wakil kepada Dr. Huang Huikang, Duta Besar Khas Plenipotensiari China ke Malaysia), Profesor Dr. Awang Bulgiba Awang Mahmud (Menjalankan Fungsi Sebagai Naib Canselor Universiti Malaya), Encik Mahbob Yusof (Pemangku Ketua Pustakawan UM)



Gambar 2: Sekitar Majlis Perasmian Pelancaran



Gambar 3: Sekitar Majlis Perasmian Pelancaran



Gambar 4: Sekitar Majlis Perasmian Pelancaran



Gambar 5: Ucapan Alu-aluan oleh Profesor Dr. Awang Bulgiba Awang Mahmud



Gambar 6: Ucapan Alu-aluan oleh Tan Sri Chan Kong Choy (Penyumbang Koleksi)



Gambar 7: Antara tetamu yang hadir bergambar bersama dengan tetamu kehormat



Gambar 8: Kain rentang majlis



Gambar 9: Selayang pandang koleksi



Gambar 10: Selayang pandang koleksi



Gambar 11: Selayang pandang koleksi

Projek Pameran Atas Talian

Siti Mawarni Salim

Pengenalan

Pameran atas talian adalah satu inisiatif perpustakaan untuk mempromosi dan mengetengahkan koleksi tertentu yang terdapat di dalam perpustakaan. Seiring dengan fenomena semasa yang menggunakan kaedah ini untuk menyampaikan kandungan sesuatu koleksi, begitu juga dengan Perpustakaan Universiti Malaya.

Tajuk pameran yang telah dipilih adalah Pameran Manuskrip, Pameran kemerdekaan dan Pameran Koleksi Pak Ungku : koleksi poskad dan kad ucapan. Kebanyakan bahan tersebut merupakan bahan yang tidak boleh dipinjam oleh pengguna. Bahan-bahan tersebut adalah terhad dan hanya boleh dirujuk di dalam perpustakaan dengan kebenaran, dan tidak ramai pengguna yang mengetahui koleksi tersebut merupakan sebahagian koleksi berharga yang berada di dalam Perpustakaan UM.

Untuk itu, dengan mengadakan pameran atas talian, bahan-bahan yang mempunyai nilai seperti ini dapat diwar-warkan kepada pengguna bukan sahaja kepada warga kampus, tetapi juga kepada penyelidik-penyelidik luar yang ingin menjalankan kajian mereka. Secara tidak langsung, akan menarik minat mereka untuk datang ke Perpustakaan UM dan merujuk bahan yang dikehendaki.

Melalui pameran atas talian ini juga, pihak perpustakaan dapat mendidik pengguna berkaitan sejarah, nilai-nilai seni, bentuk manuskrip dan sebagainya kepada pengguna. Susunan gambar-gambar yang telah diproses masuk ke dalam UMMemory dapat menarik minat mereka untuk sentiasa mengikuti perkembangan pameran atas talian anjuran Perpustakaan UM.

Objektif Pameran

1. Untuk mempromosikan koleksi manuskrip, koleksi Perpustakaan Za'ba dan Koleksi Khas Ungku Aziz yang ada dalam koleksi Perpustakaan UM.
2. Untuk menyampaikan maklumat dalam bentuk digital yang lebih efektif, menjimatkan kos dan masa.

Liputan pengguna yang lebih meluas, sekaligus mempromosikan nama Universiti Malaya dan Perpustakaan UM.

Pelaksanaan Projek

1. *Pameran Kemerdekaan Malaysia*


Kandungan pameran diperolehi dari koleksi Perpustakaan Peringatan Za'ba, antaranya buku-buku berkaitan sejarah Malaysia dan majalah-majalah yang berkaitan. Proses pengumpulan bahan dilakukan selama satu minggu sebelum bahan yang terpilih dimuatnaik ke dalam UMMemory.



Gambar 1: Antara bahan yang dipilih untuk pameran dalam talian berkaitan sejarah kemerdekaan Malaysia

Proses pengimbasan bahan dilakukan di Unit Arkib dengan kerjasama daripada kakitangan sokongan. Tempoh masa selama satu minggu diperlukan untuk proses pengimbasan dan penyuntingan bahan sebelum dimuatnaik ke dalam UM Memory.

Selepas tempoh penyuntingan selesai, hebahan kepada warga kampus telah dilakukan pada 22 dan 30 Ogos 2017 bagi menarik perhatian mereka untuk membaca dan menghayati pameran atas talian berkaitan sejarah kemerdekaan Malaysia yang dilaksanakan oleh pihak perpustakaan. Pameran ini juga diadakan bersempena dengan bulan kemerdekaan Malaysia yang ke 60 tahun.



Gambar 2: Hebahan kepada warga kampus

Pameran atas talian berkaitan kemerdekaan ini boleh diakses melalui pautan berikut:
<http://ummemory.um.edu.my/ummemory/exhibits/show/merdeka>



2. Pameran Manuskrip

Bahan kandungan pameran diperolehi melalui Jawatankuasa Pameran Perpustakaan UM. Manuskrip yang disimpan di bilik simpanan manuskrip telah dipilih dan diperincikan mengikut spesifikasi yang telah ditetapkan (jenis tulisan, nama penyalin, jenis tera air, jenis kertas, pengeluar kertas, tahun, dll). Setelah itu, proses fotografi manuskrip dilakukan untuk dijadikan poster. Kerja-kerja penyuntingan menggunakan Adobe Illustrator CS6 dilakukan di Bahagian Sistem Maklumat dengan bantuan Encik Haslan Tamjehi.

Poster-poster manuskrip yang telah ditukar format ke JPEG dimuat naik ke dalam UMMemory untuk dijadikan bahan pameran atas talian.

ID	Title	Type	Source	Date	Actions
8369	Perasmian Fakulti Perqigian oleh Tun Razak.	Still Image	University of Malaya Archive	09.21.2017	<input type="checkbox"/> <input type="checkbox"/>
8368	Perasmian Fakulti Perqigian oleh Tun Razak.	Still Image	University of Malaya Archive	09.21.2017	<input type="checkbox"/> <input type="checkbox"/>
8367	Front page Boria dan bencananya	Still Image	Nur Amalina Binti Abdul Hamid Zanaria Saupi Udin	09.21.2017	<input type="checkbox"/> <input type="checkbox"/>
8366	Perasmian Fakulti Perqigian oleh Tun Razak.	Still Image	University of Malaya Archive	09.21.2017	<input type="checkbox"/> <input type="checkbox"/>
8365	The Muslim Naisen	Poster		09.21.2017	<input type="checkbox"/> <input type="checkbox"/>
8364	The Muslim Naisen	Poster		09.21.2017	<input type="checkbox"/> <input type="checkbox"/>
8363	Jawahir Sanivyah	Poster		09.21.2017	<input type="checkbox"/> <input type="checkbox"/>
8362	Abang Kuris	Poster		09.21.2017	<input type="checkbox"/> <input type="checkbox"/>
8361	Risalah Fi Ahkam Al-Taharah	Poster		09.21.2017	<input type="checkbox"/> <input type="checkbox"/>
8360	Bayan Budiman	Poster		09.21.2017	<input type="checkbox"/> <input type="checkbox"/>
8359	Kitab Kifayat Al-Muhtadin	Poster		09.21.2017	<input type="checkbox"/> <input type="checkbox"/>
8358	Hukum Kanun Negeri Pattani	Poster		09.21.2017	<input type="checkbox"/> <input type="checkbox"/>
8357	Cerita Shah Sharif	Poster		09.21.2017	<input type="checkbox"/> <input type="checkbox"/>

Gambar 3: Memasukkan gambar ke dalam UM Memory



Gambar 4: Paparan skrin laman sesawang UM Memory

Terdapat 23 poster manuskrip telah dimuat naik ke dalam UMMemory yang merangkumi manuskrip Melayu, Cina dan India. Pameran atas talian berkaitan koleksi manuskrip boleh dicapai melalui pautan berikut: <http://ummemory.um.edu.my/ummemory/exhibits/show/koleksi-manuskrip-umlib>

3. Pameran Koleksi Pak Ungku: poskad dan kad ucapan

Pak Ungku merupakan mantan Naib Canselor UM yang paling lama berkhidmat dan memberi sumbangan dalam pembangunan Universiti Malaya. Beliau mempunyai ribuan koleksi peribadi yang mempunyai nilai-nilai seni yang tersendiri dan unik. Antara koleksi beliau yang mendapat perhatian adalah koleksi poskad dan kad-kad ucapan dari serata dunia.

Bahan pameran ini dipilih daripada koleksi peribadi beliau yang merupakan sebahagian koleksi Perpustakaan Peringatan Za'ba.



Gambar 5: Proses pemilihan bahan pameran

Terdapat banyak poskad dan kad ucapan yang disimpan rapi oleh Pak Ungku sepanjang perkhidmatan beliau. Kad-kad tersebut diterima dari serata dunia, antaranya dari Jepun, China, India, Indonesia, Singapura, dan banyak lagi.




Gambar 6: Sebahagian daripada koleksi poskad dan kad ucapan Pak Ungku



Gambar 7: Contoh poskad


Kad yang telah dipilih dibawa ke unit arkib untuk proses pengimbasan dengan bantuan Encik Mahadie.



Gambar 8: Proses mengimbas bahan

Setelah proses mengimbas, gambar-gambar tersebut disunting menggunakan Adobe Illustrator mengikut saiz dan kualiti yang sesuai. Gambar-gambar tersebut dimuat naik ke dalam UMMemory bagi tujuan pameran atas talian.

Pameran berkaitan koleksi poskad dan kad ucapan Pak Ungku ini boleh diakses melalui pautan berikut: <http://ummemory.um.edu.my/ummemory/exhibits/show/pak-ungku%27s-collection/intro>



Gambar 9: Paparan skrin laman sesawang Pameran Koleksi Pak Ungku: poskad dan kad ucapan

Carta Aliran Projek Pameran Atas Talian

Masa yang diberikan untuk menjalankan projek ini adalah selama 6 bulan bermula dari bulan April – September.

Pameran	April	Mei	Jun	Julai	Ogos	September	Oktober
Pameran Manuskrip							
Pameran Kemerdekaan							
Pameran koleksi Pak Ungku							

Pameran Manuskrip

- April 2017 : Proses mengumpul bahan dan proses penyuntingan bermula.
 Mei-Julai : Cuti.
 11 September : Proses memuatnaik bahan telah dilakukan. Hanya proses mengemaskini
 6 Oktober metadata bagi setiap manuskrip sedang dijalankan.
 9 Oktober : Hebahan kepada warga kampus akan dilakukan.

Pameran Kemerdekaan

- 7-11 Ogos : Proses pengumpulan bahan kandungan dilakukan.
 : Penelitian bagi setiap bahan adalah penting bagi mendapatkan fakta yang sah.
 14-18 Ogos : Proses pengimbasan, penyuntingan dan memuatnaik bahan ke dalam UM Memory dilakukan.
 22 & 30 Ogos : Hebahan kepada warga kampus dilakukan.

Pameran Koleksi Ungku Aziz : Poskad dan Kad Ucapan

- 18-22 September : Pemilihan bahan dilakukan.
 25-29 September : Proses mengimbas dan penyuntingan turut dijalankan.
 16-28 Oktober : Proses penyuntingan ke dalam laman sesawang UMMemory.
 1 November : Hebahan kepada warga kampus akan dilakukan.

Senarai kakitangan yang terlibat

1. Puan Zanaria Saupi Udin
2. Puan Juhaida Abdul Rahim
3. Cik Ulya Sujak
4. Encik Haslan Tamjehi
5. Puan Siti Mawarni Salim
6. Cik Ilina Syazwani Musa
7. Encik Mahadie Ab Latif
8. Enck Mohd Jasny Razali
9. Encik Mohd Zaimi Izwan Kamarunsaman
10. Encik Mohd Safri Tahir
11. Puan Norida Abu Bakar
12. Encik Azwan Mohd Nasir

Statistik Bahan

Pameran Merdeka	Pameran Manuskrip	Pameran Koleksi Pak Ungku
Gambar: 72	Poster : 23	Poskad : 23
Audio : 10		Kad ucapan: 26
Video : 1		

Jadual 1: Statistik bahan pameran

Perancangan Penambahbaikan

1. Meletakkan tera air ke dalam setiap gambar yang dimasukkan ke dalam UMMemory bagi menjaga hak eksklusif Arkib UM.
2. Meletakkan metadata kedalam setiap gambar menggunakan perisian yang sesuai seperti AC- DSee bagi tujuan rekod.
3. Memberi latihan kepada kakitangan yang terlibat berkaitan penggunaan perisian dan peralatan supaya dapat menghasilkan output yang berkualiti dan teratur.
4. Mencadangkan supaya gambar-gambar yang tersimpan di arkib disimpan juga dalam bentuk digital menggunakan perisian atau sistem yang sesuai bagi memudahkan proses pencarian dan memelihara kualiti gambar bagi tempoh masa yang lama.
5. Mewujudkan polisi dan kadar bayaran yang sewajarnya terhadap permintaan bahan-bahan lama dari unit arkib. (gambar, peta, salinan bahan, dsb.)

Perancang Masa Depan

1. Mengadakan pameran atas talian yang seterusnya bagi mempromosikan koleksi Perpustakaan Za'ba dan Perpustakaan UM, khususnya bagi bahan-bahan yang mempunyai nilai-nilai sejarah, seni dan warisan tertentu.
2. Mengadakan promosi kepada warga kampus dan masyarakat menggunakan khidmat media sosial berkaitan koleksi Perpustakaan Za'ba dan Perpustakaan UM.

Kesimpulan

Pameran atas talian ini adalah hasil kerjasama daripada ramai pihak demi kesinambungan pengetahuan kepada masyarakat berkaitan manuskrip, koleksi Perpustakaan Za'ba dan sebagai sebuah universiti yang berprestij dan tertua di Malaysia, pastinya koleksi Perpustakaan Universiti Malaya juga menjadi perhatian masyarakat. Dengan pameran atas talian ini, sedikit sebanyak dapat memberi manfaat kepada mereka yang memerlukan bahan rujukan terutamanya berkaitan koleksi-koleksi lama yang mempunyai sejarahnya tersendiri.

Setinggi-tinggi penghargaan diberikan kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan projek pameran atas talian ini khususnya kepada Ketua Perpustakaan Peringatan Za'ba, kakitangan Unit Arkib, jurufoto, dan semua yang terlibat. Tidak dilupakan juga kepada Pemangku Ketua Pustakawan atas sumbangan idea dan komentar beliau terhadap pameran ini.

Konvensyen Kumpulan Inovatif & Kreatif (KIK) Peringkat Universiti Awam Kali ke-13
1 - 3 Ogos 2017 bertempat di Universiti Malaysia Perlis (UniMAP)

Haniza Adnan

PENGENALAN

Pada tahun 2004, Jawatankuasa Latihan Universiti (JALUMA) telah menganjurkan konvensyen Kumpulan Inovatif & Kreatif (KIK) di peringkat Institut Pengajian Tinggi Awam, sebagai satu mekanisme pengurusan untuk menyuburkan budaya kerja berkualiti di IPTA Malaysia.

Konvensyen KIK peringkat Universiti Awam (UA) ini merupakan konvensyen tertinggi bagi mengetengahkan dan mengiktiraf hasil pemikiran kreatif dan inovasi diperingkat kebangsaan terutamanya dalam pendidikan tinggi. Konvensyen KIK kali ke 13 telah berjaya menobatkan Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) sebagai johan keseluruhan dengan menewaskan 39 pasukan lain yang bertanding.

OBJEKTIF KONVENSYEN KIK

- Mencungkil idea rekabentuk dan inovasi di kalangan kakitangan UA.
- Menjadikan kakitangan UA kreatif dan menyumbangkan hasil kreativiti mereka dengan menerapkan idea dalam sistem yang berfungsi atau produk untuk meningkatkan kecekapan dan keberkesanan dalam aktiviti latihan.
- Merangkumkan segala ilmu pengetahuan dan cetusan idea baharu bagi menghasilkan inovasi daya cipta unggul dengan memupuk nilai-nilai pengurusan berkesan.
- Untuk menggalakkan persaingan yang sihat melalui inovasi, sains dan teknologi.
- Mengenal pasti masalah yang dihadapi dalam amalan pengurusan berkesan dan mencari kaedah penyelesaian yang boleh diambil.

KATEGORI PERTANDINGAN

Terdapat dua (2) kategori projek yang dipertandingkan, iaitu Kategori Pengurusan dan Kategori Teknikal.

1. ***Kategori Pengurusan***

Kategori Pengurusan adalah projek yang berkaitan dengan hal-hal pentadbiran atau sistem prosedur kerja. Contohnya projek pengurusan ialah pelaksanaan prosedur kerja baru, pengenalan sistem kerja baru atau pengubahsuaian sistem lama kepada sistem baru yang boleh menjimatkan masa dan kos operasi, meningkatkan kepuasan hati pelanggan dan penyampaian perkhidmatan serta faedah-faedah lain.

2. ***Kategori Teknikal***

Kategori teknikal ialah projek yang menggunakan bidang pengetahuan yang tertentu seperti kejuruteraan, seni perusahaan dan sains gunaan. Masalah projek yang dikenal pasti dan telah

diselesaikan oleh kumpulan adalah berhubung kait dengan bidang tertentu. Contoh projek teknikal ialah penciptaan peralatan baru, pembangunan sistem komputer atau perisian komputer, perubahan dalam penggunaan bahan atau komponen kimia dan penwujudan kaedah teknikal baru.

DELEGASI PEMERHATI UNIVERSITI MALAYA 2017

Universiti Malaya telah dipilih sebagai tuan rumah penganjuran Konvesyen KIK kali ke 14 pada tahun 2018. Para delegasi pemerhati berpeluang melihat bagaimana Kumpulan KIK yang bertanding mempersembahkan projek dengan cara teratur, berkesan dan menyakinkan. Diharapkan kumpulan-kumpulan KIK yang mewakili UM pada tahun hadapan dapat mencipta kejayaan yang cemerlang serta memberi impak yang positif seterusnya meningkatkan kualiti pengurusan universiti ke arah yang lebih efektif dalam membantu menyelesaikan masalah berkaitan kerja agar pelaksanaan penambahbaikan dapat dilakukan secara berkesan.



Gambar 1: Di antara wakil delegasi pemerhati UM yang menghadiri KIK Peringkat Universiti Awam di UniMAP



Gambar 2: Delegasi Pemerhati KIK 2017 Universiti Malaya diketuai oleh Encik Yusoff Musa (berdiri 4 dari kiri), diiringi oleh Encik Edmund Ross Williams Hunt, Puan Haniza Adnan, Puan Siti Salwa Md Padzil, Encik Mahamad Apandi Khalib, Puan Zainab Abdullah, Puan Siti Azlina Makmor dan Encik Mohd Zul Khairi Mohd Nasir

International Conference on Library and Information Science
23-25 August, 2017 Sapporo, Hokkaido, Japan.

Haniza Adnan

The International Joint Conference includes the 2017 International Conference on Library and Information Science (LIS 2017), 2017 International Conference on Hospitality, Leisure, Sport, and Tourism (HLST 2017), 2017 International Conference on Engineering and Natural Science (ICENS 2017), 2017 International Conference on Education, Psychology, and Learning (ICEPL 2017) 2017 International Symposium on Economics and Social Science (ISESS 2017).

The keynote for this conference was delivered by Miss Birgit Bianca Fuerst with the title *“That’s why I like Sapporo - That’s what I wish for Hokkaido”*. The keynote presentation addresses her experiences and activities in Sapporo, which include the cultural differences between Japan and Germany and things she like best in Sapporo.

LIS 2017 conference aims to offer a forum for scholars, educators, LIS practitioners, and professionals from different countries to share research achievements and to establish a research network, and find global partners for future collaboration. LIS 2017 conference brings together delegates from around the globe to discuss the latest advances in Library and Information Science related fields.

LIS 2017 conference accepted papers are scheduled for 26 oral presentations and have been divided into 7 sessions. The author presented her paperwork entitle *“Managing In-Kind Gift in Academic Library”* at the 4th session on 24 August 2017, the session was chaired by Mr. Biswajit Saha from Indian Institute of Management Calcutta. The time for each presentation is approximately 15-20 minutes and has another 3 minutes for the questions and answers session.



Picture 1 & 2: Participants at the International Joint Conference 2017, Sapporo, Hokkaido, Japan

Laporan program JST Sakura Science Exchange Program “Providing Technical Support of Constructing and Maintaining Academic Information Infrastructure to Libraries in Malaysia”

Kyoto, Japan
22 – 31 October 2017

Vijayalatchumy Maruthaveeran & Aimi Ihsan Mohd Zaidi

Pada tarikh 22 hingga 31 October 2017 dua orang pustakawan mewakili Universiti Malaya telah ditawarkan untuk menyertai program JST Sakura Science Exchange Program “Providing Technical Support of Constructing and Maintaining Academic Information Infrastructure to Libraries in Malaysia” yang diadakan di Center for Southeast Asian Studies (CSEAS), Kyoto University. Terdapat juga beberapa pustakawan lain dari Malaysia yang turut dijemput iaitu pustakawan dari Universiti Teknologi Malaysia, Perpustakaan Institut Kefahaman Islam Malaysia, Perpustakaan Tun Abdul Rahman Ya'kub (UNIMAS) dan Southern University College. Terdapat beberapa tempat kami lawati iaitu CSEAS, Kyoto University, Central Library of Kyoto University, National, OIC Library Ritsumeikan University dan National Museum of Ethnology.

PERPUSTAKAAN CSEAS



Gambar 1: Rombongan pustakawan dari Malaysia yang membuat lawatan ke Perpustakaan CSEAS

Fungsi utama Perpustakaan CSEAS adalah mempromosi aktiviti penyelidikan dalam bidang pengajian Asia Tenggara. Hasil usaha pembangunan koleksi, perpustakaan ini kini mempunyai lebih daripada 180,000 judul (buku, jurnal dan jurnal berjilid) yang memberi akses kepada pengguna domestik dan luar negara. Perpustakaan ini juga memberi akses dan perkhidmatan rujukan terbuka. Dalam proses perolehan, perpustakaan ini juga memberi tumpuan lebih kepada penerbitan-penerbitan di Asia Tenggara terutamanya, dari Thailand dan Indonesia. Perolehan buku-buku dari Asia Tenggara dikendalikan melalui perhubungan luar bersama pegawai penghubung CSEAS di

Bangkok dan Jakarta. Walaupun perpustakaan itu dikhaskan untuk mengumpul dan menyediakan akses kepada dokumen sejarah dan karya akademik di Asia Tenggara, ianya juga berminat terhadap pembangunan di Asia Tenggara dan bekerjasama dengan penyelidik. Contoh kerjasama yang terjalin adalah CSEAS co-research program: document based on research yang membuat penyelidikan dan menyumbang kepada pembangunan koleksi. Ianya telah bermula sejak tahun 1986 iaitu 22 tahun yang lalu. Melalui jalinan ini, ramai pustakawan dari Asia Tenggara dan Amerika menjadi peserta.

Koleksi Bahasa Vernacular Asia Tenggara

Terdapat koleksi Bahasa vernacular Asia Tenggara di Perpustakaan CSEAS. Koleksi ini terdiri daripada 4 Koleksi Khas iaitu penerbitan dalam bahasa Indonesia, Thailand, Vietnam, Burma dan Tagalog.

Charas Collection	Koleksi peribadi yang disumbangkan oleh Charas Pikul, bekas pegawai kerajaan Thailand. Ia merupakan koleksi terbesar di luar Thailand.
Yoneo Ishii Collection	Yoneo adalah seorang ahli sejarah Jepun yang pakar dalam kajian Thailand. Sebagai profesor, beliau menyertai Japanese Society of Ethnology, Osaka City University di mana beliau pergi ke negara-negara seperti Kamboja, Laos, Thailand dan Vietnam untuk mempelajari kebudayaan bangsa-bangsa tersebut.
Forondo Collection	Koleksi peribadi seorang sejarawan terkenal, Dr. Marcelino Foronda, bekas profesor De La Salle University, Manila.
Ocampo Collection	Koleksi sejarawan dan penulis Filipina yang terkenal, Dr. Ambeth R. Ocampo. Beliau merupakan Pengerusi Suruhanjaya Sejarah Negara Filipina (2002-sekarang) dan Pengerusi Jabatan Sejarah, Ateneo de Manila University.
Indonesia Islam Collection	Koleksi penerbitan Islam dari Indonesia <i>*Masih belum diproses kerana tiada kemahiran dalam bahasa Jawi</i>

Jadual 1: Deskripsi koleksi di Perpustakaan CSEAS

Koleksi Jurnal

Koleksi Jurnal di Perpustakaan CSEAS menyenaraikan 790 tajuk dalam bahasa skrip roman; 392 dalam bahasa Jepun, Korea, dan Cina; 44 tajuk dalam bahasa Thai; dan 2 tajuk masing-masing dalam Bahasa Burma dan Rusia. Antara 790 judul dalam skrip roman, 361 tajuk diterbitkan di Asia Tenggara, termasuk 162 dari Malaysia dan Indonesia. Perpustakaan ini mengambil inisiatif untuk membuat penyenaian bibliografi untuk jurnal-jurnal dalam koleksi perpustakaan. Senarai ini yang telah diterbitkan dalam format PDF boleh diperolehi di laman web perpustakaan.

Mikroform

Sejak kebelakangan ini, perpustakaan ini telah memperoleh bahan-bahan penyelidikan penting dalam bentuk mikroform. Ini termasuk bahan penyelidikan sejarah seperti Koleksi Cornell Wason-Echols, The Dutch East India Company's Mailrapporten, dan The colonial Memorie Van Overgave

for Indonesian studies, the British Colonial Office (CO) 273 series for Malaysian studies, dan The United States Department of State microfiche collection on the Marcos years, 1964-86.

Statistik


Koleksi bahan statistik bersiri di perpustakaan ini, memberi tumpuan kepada negara-negara Asia Tenggara dan Timur. Kebanyakannya adalah statistik ekonomi yang berkaitan dengan pendapatan negara, kewangan, perbelanjaan, perdagangan, tenaga kerja, penduduk, dan lain-lain, di mana penekanan khusus diberikan kepada Indonesia. Sebagai tambahan kepada statistik yang dikeluarkan oleh sesuatu negara, kira-kira 20 tajuk yang diterbitkan oleh organisasi antarabangsa seperti Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dan organisasi bawahannya, iaitu, International Monetary Fund (IMF), Bank Dunia, Bank Pembangunan Asia, dan sebagainya, diperoleh melalui langganan.

Hasil Pemerhatian


- i. Pembelian buku diuruskan di Perpustakaan Utama Kyoto University. Borang cadangan buku dipapar di semua papan kenyataan untuk mengambil perhatian pensyarah dan para penyelidik.
 - Pembelian buku dan sebagainya (selain jurnal) diperoleh melalui peruntukan Kyoto University (Asian Studies Fund)
 - Pembelian jurnal pula dibiayai oleh fakulti dengan menggunakan sebahagian peruntukan dari penyelidik.
- ii. Bahan hadiah diperoleh melalui pegawai penghubung di Bangkok dan Jakarta. Terdapat juga perolehan hadiah dari tempatan melalui sokongan dan cadangan dari pensyarah CSEAS dan CIAS (Center for Integrated Area Studies).



Gambar 2: Antara judul koleksi hadiah yang terdapat di Perpustakaan CSEAS



Gambar 3: Deskripsi label nombor panggilan koleksi Perpustakaan CSEAS



Gambar 4: Pameran di ruang rak: Mempromosi artikel terbaik bersama synopsis

Panduan Perpustakaan

Panduan perpustakaan boleh dilayari dalam 8 bahasa iaitu bahasa Jepun, Inggeris, China, Korea, Indonesia, Thai, Vietnam dan Myanmar.

Study Room


Terdapat kamus dan buku rujukan versi terkini mengenai Bahasa Asia Tenggara disediakan di dalam bilik belajar. Terdapat juga pelbagai ensiklopedia dan kamus yang diterbitkan di negara-negara Asia Tenggara. Tempat duduk dan bilik karek terbuka turut disediakan di dalam bilik tersebut. Jumlah keseluruhannya terdapat 30 tempat duduk.



Gambar 5: Koleksi rujukan umum dan bilik belajar

Pencarian Bahan

Selain itu, iPad mini disediakan sebagai terminal untuk pencarian bahan menggunakan OPAC. Ia memudahkan para pelajar baru bahasa Asia Tenggara untuk mengakses bahan-bahan berkaitan dengan bebas di bilik tersebut.



Gambar 6: Antaramuka OPAC CSEAS dan peranti iPad mini untuk kemudahan pengguna

Peta, Imej Satelit dan *Aerial Photographs*

Bahan-bahan ini diperolehi melalui google map, hadiah dan perolehan.

i) Koleksi Peta

CSEAS memiliki hampir 43,000 helaian peta Asia Tenggara dan kawasan sekitarnya seperti peta negara India, Bangladesh, Sri Lanka, Nepal, Pakistan, China, Semenanjung Korea, Australia, Kepulauan Pasifik dan Jepun. Tarikh penerbitan peta-peta ini berbeza-beza dan ada antaranya dari zaman sebelum Perang Dunia hingga yang terkini.

Salah satu koleksi peta yang terdapat di CSEAS adalah *Gaihouzu*. Ia adalah peta topografi tentera Jepun yang mempunyai nilai sejarah yang meliputi Asia Selatan dan Asia Timur serta Asia Tenggara. Terdapat kira-kira 19,000 *Gaihouzu* di dalam Bilik Peta CSEAS yang merupakan salah satu koleksi utama negara Jepun. Peta-peta dikelaskan mengikut kawasan. Pada "Katalog Koleksi Peta," koleksi ini dirujuk dengan perkataan "Japanese Army Map Service" atau "Japanese Navy." Selain *Gaihouzu*, terdapat 24,000 peta topografi, geologi, penggunaan tanah, tumbuh-tumbuhan, pentadbiran, dan jalan dalam koleksi ini. Peta topografi meliputi kawasan-kawasan seperti Thailand, Laos, Vietnam, dan Myanmar. Sebahagian daripada *Gaihouzu* yang telah didigital dan dibuka untuk penggunaan umum secara terhad. Terdapat juga kira-kira 50 peta topografi, produk mineral, geologi dan tumbuh-tumbuhan meliputi kawasan di Jepun, bekas Manchuria, Taiwan, dan Semenanjung Korea di dalam bilik peta tersebut.



Gambar 7: Koleksi peta dalam bilik peta Perpustakaan CSEAS

ii) Imej Satelit

Bilik Peta CSEAS menyimpan kira-kira 3,500 pemandangan MOS-1 MESSR, JERS-1 SAR dan Landsat-MSS / TM imej dalam bentuk bercetak atau data digital yang meliputi kawasan Asia Tenggara dan sekitarnya yang merangkumi India, Bangladesh, Selatan China, dan Jepun. Kakitangan CSEAS bertanggung jawab untuk mengumpul imej satelit sejak tahun 1978. Usaha mendigital imej satelit ini pula bermula sejak tahun 2016.

iii) Aerial Photographs

a. *Williams-Hunt Collection*

Jumlah Koleksi ini dianggarkan 5,800 gambar. Ia telah diperoleh oleh Peter Williams-Hunt semasa dan selepas Perang Dunia II. Koleksi asal di University of London. Koleksi ini meliputi Kemboja (Angkor Wat), Thailand, Myanmar, Malaysia dan Singapura. CSEAS mempunyai kira-kira 4,000 keping koleksi, dan hampir kesemua koleksi ini telah ditukar kepada bentuk digital.

b. *Aerial photos*

Selain Koleksi Williams-Hunt, Bilik Peta CSEAS juga mempunyai kira-kira 3,500 aerial photos Jepun yang diterbitkan oleh Japan Geographical Survey Institute. Terdapat juga kira-kira 2,200 foto dari Laos dan Indonesia. *Aerial photos* dari Asia Tenggara dan sekitarnya, Fail Ekologi Manusia dan koleksi CSEAS DVD juga boleh diakses di bilik peta.



Gambar 8: Rombongan bersama kakitangan Perpustakaan CSEAS

Pengguna boleh mengakses semua koleksi di Bilik Peta CSEAS kecuali untuk beberapa bahan yang terhad. Semua bahan di Bilik Peta CSEAS adalah untuk penggunaan dalaman sahaja. Walau bagaimanapun, pengguna boleh meminjam bahan-bahan tersebut untuk membuat fotokopi dan duplikasi selagi ini tidak melanggar hak cipta mereka. Semua bahan hanya akan digunakan untuk tujuan bukan keuntungan seperti untuk penyelidikan dan pendidikan. Bagi tujuan duplikasi, pengguna mesti membawa CD-R atau DVD-R yang baru. Mereka perlu mengemukakan borang fotokopi/duplikasi dengan mengisi maklumat nama, institut, alamat, tujuan penggunaannya, dan sebagainya. Pengguna juga akan diminta untuk memberikan kad pelajar rasmi, ID pekerja atau lesen memandu untuk difailkan. Bahan mesti dipulangkan semula ke Bilik Peta CSEAS sebaik sahaja selesai fotokopi.



Gambar 9: Foto bersama Dr. Kimiya Kitani

Pangkalan data kecil untuk bahan pelbagai bahasa: *Southeast Asian Periodicals Database*

Perkongsian berkenaan pangkalan data kecil untuk bahan pelbagai bahasa ini atau dikenali sebagai *Southeast Asian Periodicals Database* telah diberikan oleh Kimiya Kitani. Beliau merupakan Penolong Profesor dan Ketua *Information Processing Office* di CSEAS, Kyoto University. Perkongsian ini memberikan pendedahan kepada peserta tentang pangkalan data tersebut. Ia merupakan pangkalan berskala kecil untuk penyimpanan koleksi pelbagai bahasa. Ia diwujudkan kerana terdapat setengah bahasa yang tidak sokong oleh sistem pangkalan yang sedia ada iaitu CiNii books dan OPAC. Data maklumat yang tidak lengkap mengenai suatu bahan contohnya maklumat Bahasa, menyebabkan ia tidak dapat dimasukkan di dalam sistem yang sedia ada. Memandangkan CSEAS mempunyai pelbagai koleksi dari Asia Tenggara maka, pangkalan data ini diwujudkan.

Antara perisian dan alatan yang digunakan untuk membangunkan Southeast Asian Periodicals Database adalah:

Perisian/Alatan	Mengenai/Tujuan
Macintosh, Apache, MySQL, dan PHP (MAMP)	MAMP adalah aplikasi yang boleh dipasang pada Mac yang membolehkan akses ke local server PHP dan MySQL server
Keyboard : iOS Keyboard with "Souliyo Key-Lao Keyboard" Font: iOS	Untuk Bahasa Lao
Keyboard: iOS Keyboard with "ttkeyboard" or "Khnhom" apps Font: iOS	Untuk Bahasa Khmer
Keyboard: iOS Keyboard with "ttkeyboard" apps Font: Myanmar 3 on "My Font" apps	Untuk Bahasa Laos
iOS Keyboard Font: iOS	Untuk Bahasa Thai dan Vietnam

Jadual 2: Perisian dan alat yang digunakan


Southeast Asian Periodicals Database boleh dilayari di <https://info.cseas.kyoto-u.ac.jp/db/sealib/>. Pencarian boleh dilakukan dalam bahasa Jepun, Inggeris, Khmer, Vietnam dan Laos. Pangkalan data ini boleh dilayari menggunakan perisian komputer dan juga perisian pintar. Paparan yang terdapat di dalam pangkalan data *Southeast Asian Periodicals Database* adalah seperti paparan skrin gambar 10-11:

Gambar 10: Paparan skrin *Desktop Southeast Asian Periodicals Database*


Gambar 11: Paparan dari peranti pintar

Pendekatan sudut teknikal *Southeast Asian Periodicals Database* mempunyai ciri-ciri:

1. Maklumat bahan dengan data yang minima dapat direkodkan di dalam pangkalan data.
2. Mudah Alih: memerlukan sistem web dengan perisian PHP
3. Spesifikasi yang fleksibel
4. Memproses bahasa khas/pelbagai Bahasa




Gambar 12



Gambar 13

Gambar 12-13: Paparan skrin menunjukkan maklumat bahan dengan data yang minima dapat direkodkan di dalam pangkalan data



Gambar 14: Paparan skrin menunjukkan aplikasi Mudah Alih yang memerlukan sistem web dengan perisian PHP

Flexible Environments

- Search Items -

```

[input_db]
keyword      = "keyword:units:u_name:header:*"
name         = "header:name,o_name,p_title"
pub          = "header:pub,o_pub,auth_t"
year        = "library:year"
issn        = "header:issn"
ncid        = "header:ncid"
lib_mark    = "header:abbr_id"
mark        = "library:req_num"
id           = "header:id"
nl          = "header:nl_id"
lib         = "library:abbr"
lib_longname = "units:abbr,u_e_name,u_yomi,u_name"
country     = "header:id"
lang        = "header:lang"
            
```

DB Table name
[units]: Library name
[header]: Bibliography
[library]: Possession Library

<keyword> is a free keyword box and is searched in Library name and all of bibliography items.

<name> is searched in the title, sub title, and original script title.

Search item's ID = [DB Table name]:[item]
'*' is ALL.

Gambar 15: Paparan skrin menunjukkan Spesifikasi yang fleksibel

Multiple languages

- Translation -

language selection

```

[language]
ja  = "日本語"
en  = "English"
vm  = "Tiếng Việt"
ls  = "ລາວ"
            
```

ja.ini
Japanese

```

[lang_code]
ja  = "アフリカ語 (ara)"
ar  = "アラビア語 (ar)"
ch  = "中国語 (chi)"
de  = "ドイツ語 (de)"
en  = "英語 (en)"
fr  = "フランス語 (fra)"
ger  = "ドイツ語 (ger)"
ind  = "インドネシア語 (ind)"
iso  = "ISO 639-1"
jap  = "日本語 (jpn)"
kor  = "韓国語 (kor)"
mal  = "マレー語 (mal)"
nep  = "ネパール語 (nep)"
vie  = "ベトナム語 (vie)"
tgl  = "タガログ語 (tgl)"
            
```

vm.ini
Vietnamese

```

[lang_code]
ara  = "Tiếng Ả Rập (ara)"
arv  = "Việt (arv)"
chi  = "Tiếng Trung (chi)"
deu  = "Tiếng Đức (deu)"
eng  = "Tiếng Anh (eng)"
fra  = "Tiếng Pháp (fra)"
ger  = "Tiếng Đức (ger)"
ind  = "Tiếng Indonesia (ind)"
iso  = "ISO 639-1"
jpn  = "Tiếng Nhật (jpn)"
kor  = "Tiếng Hàn (kor)"
mal  = "Tiếng Mã Lai (mal)"
nep  = "Tiếng Nepal (nep)"
vie  = "Tiếng Việt (vie)"
tgl  = "Tiếng Việt (tgl)"
            
```

ls.ini
Lao

```

[lang_code]
ara  = "ພາສາອາ拉伯 (ara)"
arv  = "ພາສາລາວ (arv)"
chi  = "ພາສາຈີນ (chi)"
deu  = "ພາສາເຢຍລະມັນ (deu)"
eng  = "ພາສາອັງກິດ (eng)"
fra  = "ພາສາຝຣັ່ງ (fra)"
ger  = "ພາສາເຢຍລະມັນ (ger)"
ind  = "ພາສາອິນໂດເນເຊຍ (ind)"
iso  = "ISO 639-1"
jpn  = "ພາສາຍີ່ປຸ່ນ (jpn)"
kor  = "ພາສາເກົາຫຼີ (kor)"
mal  = "ພາສາມາເລ (mal)"
nep  = "ພາສານິເປອນ (nep)"
vie  = "ພາສາເວີເຕນາມ (vie)"
tgl  = "ພາສາຕາກລອກ (tgl)"
            
```

en.ini
English

```

[lang_code]
ara  = "Arabic (ara)"
arv  = "Armenian (arv)"
chi  = "Chinese (chi)"
deu  = "Deutsch (deu)"
eng  = "English (eng)"
fra  = "French (fra)"
ger  = "German (ger)"
ind  = "Indonesian (ind)"
iso  = "ISO 639-1"
jpn  = "Jap. (jpn)"
kor  = "Kor. (kor)"
mal  = "Malay (mal)"
nep  = "Nep. (nep)"
vie  = "Vietnamese (vie)"
tgl  = "Tagalog (tgl)"
            
```

cb.ini
Khmer

```

[lang_code]
ara  = "ខ្មែរ (ara)"
arv  = "ខ្មែរ (arv)"
chi  = "ចិន (chi)"
deu  = "អង់គ្លេស (deu)"
eng  = "អង់គ្លេស (eng)"
fra  = "បារាំង (fra)"
ger  = "អង់គ្លេស (ger)"
ind  = "ឥណ្ឌូនេស៊ី (ind)"
iso  = "ISO 639-1"
jpn  = "ជប៉ុន (jpn)"
kor  = "កូរ៉េ (kor)"
mal  = "ម៉ាឡេ (mal)"
nep  = "នេប៉ាល់ (nep)"
vie  = "វៀតណាម (vie)"
tgl  = "តាហ្គាឡុក (tgl)"
            
```

Gambar 16: Paparan skrin menunjukkan cara memproses bahasa khas/pelbagai bahasa

Search

TYPE MAGAZINE NEWSPAPER GAZETTE

Keyword

Warasan

Title/Author

Gambar 17: Paparan skrin menunjukkan pencarian kata kunci Warasan akan mencari perkataan Warasan dan Wārasān

[วารสารกฎหมาย / คณะนิติศาสตร์ จุฬาลงกรณ์มหาวิทยาลัย \[Wārasān kotmāi / Khana Nitisāt, Chulalongkōnmahāwitthayālai\] -- Krungthēp : Khana Nitisāt, Chulalongkōnmahāwitthayālai \[Faculty of Law, Chulalongkorn University\]](#)

[วารสารจีนศึกษา / สาขาวิชาภาษาจีน, ภาควิชาภาษาต่างประเทศ, คณะมนุษยศาสตร์, มหาวิทยาลัยเกษตรศาสตร์ \[Wārasān Chīnsuksā / Sākhāwichāphāsāchīn, Phākwichā Phāsā Tāng prathet, Khana Manutsayasāt, Mahāwitthayālai Kasetsāt\] -- Krungthēp : Sākhāwichāphāsāchīn, Phākwichā Phāsā Tāng prathet, Khana Manutsayasāt, Mahāwitthayālai Kasetsāt](#)

[วารสารธรรมศาสตร์ / มหาวิทยาลัยธรรมศาสตร์ \[Wārasān Thammasāt / Mahāwitthayālai Thammasāt\] -- Krung Thēp : Mahāwitthayālai Thammasāt](#)


[วารสารนิติศาสตร์ / คณะนิติศาสตร์ มหาวิทยาลัยธรรมศาสตร์ \[Wārasān nitisāt / Khana Nitisāt, Mahāwitthayālai Thammasāt\] -- Krung Thēp : Khana Nitisāt, Mahāwitthayālai Thammasāt \[Faculty of Law, Thammasat University\]](#)

Gambar 18: Paparan skrin menunjukkan cara memproses bahasa khas/pelbagai bahasa

The National Museum of Ethnology

Muzium ini menyimpan sejumlah besar bahan dan maklumat mengenai etnologi dan antropologi untuk penyelidikan di dalam dan di luar negara. Koleksi yang disimpan di dalam muzium ini boleh diakses oleh masyarakat melalui pameran dan lain-lain aktiviti. Di Muzium Negara Etnologi Jepun ini, kami diberi peluang untuk melawat pameran yang dianjurkan oleh pihak muzium. Pameran ini direka untuk membantu pelawat mengenali perbezaan budaya di kalangan masyarakat, yang diwakili dalam kepelbagaian cara hidup manusia mengikut budaya dan adat. Pameran ini juga bercirikan penekanan tentang pakaian/ tekstil, agama, budaya, makanan, perumahan dan sebagainya. Ini memberikan pengunjung idea yang jelas tentang gaya hidup di pelbagai kawasan di seluruh dunia.

Pameran Utama disusun dalam pameran serantau (*Regional Exhibition*) dan lintas budaya (*Cross-cultural Exhibition*). Pameran serantau meliputi Oceania, Amerika, Eropah, Afrika, dan Asia.



Gambar 19: Paparan skrin menunjukkan Pelan Lantai Pameran



Oceania



The Americas



Europe



Africa


Gambar 20: Sebahagian daripada pameran serantau

Kampus Osaka-Ibaraki (OIC), Universiti Ritsumeikan

Universiti Ritsumeikan adalah sebuah universiti swasta di Kyoto, Jepun, yang ditubuhkan pada tahun 1869. Ia terdiri daripada Kampus Kinugasa (KIC) yang terletak di Kyoto dan kampus satelit yang dikenali sebagai Kampus Biwako-Kusatsu (BKC) dan Kampus Osaka-Ibaraki (OIC). Kami telah dibawa melawat Perpustakaan Kampus Osaka-Ibaraki dan juga berpeluang melawat sekitar Kampus Osaka-Ibaraki (OIC). Waktu operasi Kampus Osaka-Ibaraki adalah Isnin sehingga Jumaat bermula jam 8.30 pagi sehingga jam 10.00 malam. Pada hari Sabtu dan Ahad dari jam 10 pagi hingga jam 5 petang. Selain daripada pelajar dan staf Universiti Ritsumeikan, Perpustakaan OIC dibuka kepada masyarakat umum. Mereka akan dikenakan yuran keahlian yang akan digunakan oleh perpustakaan untuk membantu menyediakan akses bagi tujuan penyelidikan, analisis dan kajian. Mereka yang berusia 22 tahun ke atas layak untuk memohon menjadi ahli perpustakaan.


Berikut adalah jumlah koleksi di Perpustakaan Universiti Ritsumeikan:

Perpustakaan OIC mempunyai 3 aras untuk kegunaan pelanggan bermula dengan aras 2F hingga 4F. Selain itu, dengan keluasan ruang bacaan 8477 kaki persegi, ia mampu memuatkan sebanyak 1018 tempat duduk.




Gambar 21: Pelan lantai Perpustakaan OIC aras 2F

OIC Library 3F



Gambar 22: Pelan lantai Perpustakaan OIC aras 3F

OIC Library 4F



Gambar 23: Pelan lantai Perpustakaan OIC aras 4F

● Area of reading rooms / Numbers of seats

		Area of reading rooms (m ²)	Numbers of seats
Kinugasa	Hiari Kaichiro Memorial Library	14,585	2,000
	Shugakukan Research Library	2,271	34
	Arts & Humanities Library	842	53
Biwako-Kusatsu	Media Center	5,922	878
	Media Library	10,690	1,059
Suzaku	Suzaku Research Library	1,361	309
Osaka Ibaraki	OIC Library	8,477	1,108
Total		44,148	5,441

※Numbers as of April 1st, 2017

Gambar 24: Keluasan ruang bacaan dan bilangan tempat duduk

Di Kampus Osaka-Ibaraki (OIC) kebanyakan staf adalah staf sambilan. Proses pengkatalogan juga turut dilakukan oleh pustakawan sambilan. Jawatan tetap hanyalah diperuntukkan kepada pengu-
rusan perpustakaan. Selain itu, koleksi buku *redspot* diletakkan di rak bersama buku yang lain.



Gambar 25: Buku Redspot buku redspot diletakkan di rak bersama buku yang lain



Gambar 26: E-majalah dalam bentuk skrin sentuh



Gambar 27: Pameran buku berdasarkan talk yang ditayangkan di skrin



Gambar 28: Perpustakaan Universiti Ritsumeikan



Gambar 29: Peer Learning Room



Gambar 30: Ruang surat khabar

References

Center for Southeast Asian Studies, Kyoto University (2018). Library / materials. Retrieved from <https://en.kyoto.cseas.kyoto-u.ac.jp/books-and-other-materials/>

Center for Southeast Asian Studies, Kyoto University. (2016). Southeast asian periodicals database. Retrieved from <https://info.cseas.kyoto-u.ac.jp/db/sealib/>

Kimiya, K (2017) *Introduction to scheme for constructing a small-scale database for multilingual books: through Southeast Asian periodicals database* [Class handout] . Kyoto, Japan : Center for Southeast Asian Studies, Kyoto University.

Japan, National Museum of Ethnology (2016) Survey and guide. Retrieve from <http://www.minpaku.ac.jp/english/aboutus/youran>

Ritsumeikan University Library. (2017). Floor plan(Osaka Ibaraki Campus). Retrieved from http://www.ritsumei.ac.jp/library/eng/common/file/guide/about/shisetsu/oic/oic_library_map_e.pdf

Ritsumeikan University Library. (2017). Fundamental library data. Retrieved from http://www.ritsumei.ac.jp/library/eng/common/file/guide/about/guide_stats/2016data_e.pdf

Laporan Taklimat Perolehan Proses Hak Milik Bahan
7 Disember 2017: Auditorium Karyawan, Perpustakaan Utama

Haslina Husain
hhaslina@um.edu.my

Taklimat ini telah dijalankan pada 7 Disember 2017 (Khamis) di Auditorium Karyawan, Aras 4, Perpustakaan Utama. Kehadiran adalah seramai tiga puluh orang yang terdiri daripada staf sokongan berjawatan Pembantu Perpustakaan dan Pembantu Operasi dari Perpustakaan Cawangan dan Khusus. Taklimat dimulakan ucapan terima kasih oleh Fasilitator iaitu Puan Norishah Abdul Rahman dan Puan Haslina Husain, Pustakawan Kanan, Bahagian Perolehan, Perpustakaan Utama.


Objektif latihan adalah:

1. Menjelaskan langkah-langkah yang perlu diambil dalam proses perolehan bagi urusan proses hak milik bahan
2. Memastikan proses hak milik bahan dilaksanakan mengikut arahan kerja dan manual kerja yang telah ditetapkan oleh Perpustakaan
3. Menyelaraskan pelaksanaan proses hak milik bahan

Puan Norishah telah memulakan taklimat dengan penerangan proses hak milik bahan dan disusuli dengan praktikal proses hak milik bahan. Dalam taklimat tersebut beliau menerangkan kepentingan membuat proses hak milik bahan supaya bahan tersebut mudah diakses dan dikenalpasti kedudukannya. Proses yang terlibat adalah penampalan barkod ID bahan, penampalan jalur magnetik dan cop hak milik bahan. Proses hak milik berbeza mengikut jenis bahan. Puan Norishah juga mengambil contoh bahan yang telah dibuat proses hak milik supaya staf dapat melihat dengan dekat hak milik bahan tersebut. Antara bahan yang telah dijadikan contoh adalah buku, buletin, tesis, CD, video, kaset, mikrofilem, dan mikrofis. Puan Haslina pula menyentuh kepentingan menampal label hadiah mengikut kesesuaian bahan di mana helaian kertas kosong perlu ditampal bagi tujuan tersebut sekiranya mukasurat yang hendak dilabel terdapat catitan tertentu. Cik Norbiah Omar, Pembantu Operasi di Bahagian Perolehan telah memberi tunjuk ajar cara-cara melakukan proses hak milik bahan seperti bahan bercetak (buku dan tesis) dan bukan bercetak (CD).

Di akhir taklimat, pelbagai soalan diajukan oleh peserta antaranya kesukaran untuk melakukan proses hak milik sekiranya bahan tersebut nipis, kesukaran mendapatkan *magnetic strip* untuk CD, dan kemusykilan berkaitan melabel nombor panggilan pada bahan. Rentetan soalan yang diutarakan oleh peserta tersebut satu taklimat berkenaan melabel bahan akan dibuat oleh Bahagian Pengkatalogan dan Metadata.


Antara proses hak milik bahan yang dikongsi dalam taklimat tersebut seperti berikut:




CD



Mikrofilem



Mikrofis



Manuskrip



Gambar beramai-ramai selepas tamat taklimat

HAL EHWAL PERPUSTAKAAN

Staf

Bil.	Nama	Jawatan	Tarikh
PELANTIKAN BARU			
1.	Normadinah Adam	Pembantu Operasi (N11)	07.09.2017
2.	Mohd Firdaus Md Tazar	Pembantu Tadbir (P/O) (N19)	01.11.2017
3.	Khairunnisa Bakar	Juruteknik Komputer (FT19)	04.12.2017
4.	Norizman Mohd Ghazali	Pemandu (H11)	18.12.2017
PERSARAAN			
1.	Mohd Shaufi Ahmad	Pembantu Pustakawan (S22)	15.01.2017
2.	Rosnani Maiden	Pembantu Pustakawan (S22)	07.04.2017
3.	Chua Swee Cheng	Pemb. Tadbir (P/O) (N19)	17.04.2017
4.	Mohamed Rahim Abdul Rahman	Pembantu Pustakawan (S22)	02.05.2017
5.	Muhammad Mokhtar	Pembantu Pustakawan (S26)	19.05.2017
6.	Rokiah Jaafar	Pembantu Operasi (N11)	26.06.2017
7.	Jamel Haji Arshad	Pembantu Pustakawan (S22)	07.09.2017
KENAIKAN PANGKAT			
1.	Zulgafli Yahaya	Pembantu Pustakawan (S26)	22.05.2017
2.	Saipol Kamal Idris	Pembantu Operasi (N11)	13.10.2017
3.	Abdul Rahman Mohd Radzi	Pembantu Pustakawan (S19)	04.11.2017
4.	Saiful Bahri Ahmad	Pembantu Pustakawan (S19)	04.11.2017

Kursus/Persidangan/Bengkel

KURSUS DALAMAN				
Bil.	Tajuk Kursus	Tarikh	Jumlah Peserta	Tempat
1.	Latihan Menginput Bahan (Anjuran Bahagian Pengkatalogan & Metadata)	25 Januari 2017	17 orang (Pagi) 10 orang (Petang)	Makmal Komputer C, Perpustakaan Utama
2.	Bengkel Pengurusan Daftar Pengurusan Risiko Perpustakaan	13 Februari 2017	10 orang	Bilik Pendita, Perpustakaan Utama
3.	Program 'Grooming & Communication' (Anjuran KSRPUM)	15 Februari 2017	27 orang	Auditorium Karyawan, Perpustakaan Utama
4.	Latihan Menginput Tesis / Latihan Ilmiah	16 Mac 2017	12 orang	Perpustakaan

KURSUS DALAMAN				
Bil.	Tajuk Kursus	Tarikh	Jumlah Peserta	Tempat
5.	Bengkel Penyediaan Daftar Risiko Rasuah	3-5 April 2017	14 orang (Pengurusan)	Avillion Port Dickson, Negeri Sembilan
6.	Pengindeksan	19 April 2017	24 orang	Makmal D, Perpustakaan
7.	Taklimat Pengurusan Risiko Rasuah Perpustakaan, Muzium Seni Asia & Galeri Seni Universiti Malaya	20 April 2017	34 orang	Perpustakaan, Universiti Malaya
8.	Kursus Instalasi Pelayan/ Server dan Konfigurasi (Open Source Server)	20 April 2017	8 orang (Staf BSM)	Makmal Komputer C, Perpustakaan
9.	Thomson Reuters Workshop : WOS, JCR & Endnotes	21 April 2017	26 orang	Perpustakaan Universiti Malaya
10.	Kursus Pemfailan	16 Mei 2017	18 orang	Auditorium Karyawan, Perpustakaan
11.	Elsevier Workshop : Scopus & Mendeley	19 Mei 2017	17 orang	Makmal D, Perpustakaan Utama
12.	Tazkirah Ramadhan bersama Ustaz Harryanto Rizal Rokman	20 Jun 2017	91 orang	Ruang Pameran, Aras 1, Perpustakaan
13.	Pengindeksan	12 Julai 2017	32 orang	Makmal D, Perpustakaan Utama
14.	Information Searching and Retrieval /Library Orientation	18 Julai 2017	47 orang	Makmal D, Perpustakaan Utama
15.	Kursus Motivasi Pekerja Cemerlang	21 Julai 2017	53 orang	Auditorium Karyawan, Perpustakaan
16.	Eikon & Datastream Workshop (Thomson Reuters)	24 Julai 2017	24 orang	Makmal D, Perpustakaan
17.	Kursus MOOC Development (Basic)	25 Julai 2017	16 orang	Makmal D, Perpustakaan
18.	Basic English for Counter Staff	28 Julai 2017	30 orang	Auditorium Karyawan, Perpustakaan
19.	Kursus Perkhidmatan Pelanggan Berkesan	8 Ogos 2017 9 Ogos 2017	Sesi 1 – 36 orang Sesi 2 – 32 orang	Auditorium Karyawan, Perpustakaan
20.	Effective Communication Skill	10 Ogos 2017	40 orang	Auditorium Karyawan, Perpustakaan
21.	Oxford University Press (OUP) Workshop	17 Ogos 2017	22 orang	Makmal D, Perpustakaan
22.	SAGE Research Methods (SRM)	7 September 2017	19 orang	Makmal D, Perpustakaan
23.	Scifinder Workshop	6 Oktober 2017	5 orang	Makmal D, Perpustakaan

KURSUS DALAMAN				
Bil.	Tajuk Kursus	Tarikh	Jumlah Peserta	Tempat
24.	Taklimat Perolehan	11 Oktober 2017	23 orang	Auditorium Karyawan, Aras 4, Perpustakaan
25.	OCLC Worldcat Discovery Workshop	17 November 2017	20 orang	Makmal D, Perpustakaan
26.	Taklimat Perolehan – Proses Hak Milik Bahan	7 Disember 2017	30 orang	Auditorium Karyawan, Aras 4, Perpustakaan
27.	Taklimat Penandaan Nombor Panggilan	14 Disember 2017	19 orang	Auditorium Karyawan, Aras 4, Perpustakaan

PERSIDANGAN/BENGGEL			
Bil.	Nama staf	Persidangan/Bengkel	Tarikh
1.	Zanaria Saupi Udin	12th International Digital Curation Conference, Quincentenary Conference Centre (QCC) at the Royal College of Surgeons of Edinburgh, Nicholson Street	19.02.2017-24.02.2017
2.	Siti Juryiah Mohd Khalid	2017 ICSSAM the 5th International Conference on Social Science and Management, Kyoto, Japan	09.05.2017-11.05.2017
3.	Mahbob Yusof	Pembentang Kertas Kerja (Oral): 5th International Conference of Asian Special Libraries (ICOASL 2017), Sunan Kalijaga State Islamic University (UIN Sunan Kalijaga), Yogyakarta, Indonesia	10.05.2017-12.05.2017
4.	Annur Thahirah Abd Hadi, Ranita Hisham Shunmugam, Lisdar Abdul Wahid	Persidangan Penyelidikan dalam Pendidikan Bahasa 2017, Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya	15.07.2017
5.	Koh Ai Peng, Maziah Salleh, Pauziaah Mohamad	Persidangan Kepimpinan dan Governan Universiti Kali Ke-3, "Redesigning Education Towards Financially Sustainable Universities", Sunway Resort Hotel	15.08.2017-16.08.2017
6.	Shamsiah Abu Bakar	IFLA World Library and Information Congress: 83rd IFLA General Conference and Assembly Conntennial Hall, Wroclaw, Poland	16.08.2017-26.08.2017
7.	Haniza Adnan	Pembentang Kertas Kerja (Oral), 2017 International Conference on Library and Information Science di Sapporo Convention Center, Sapporo, Japan	23.08.2017-25.08.2017
8.	Ratnawati Sari Mohd Amin, Dr Zahril Shahida Ahmad, Siti Mawarni Salim	Seminar on Copyright : How To Protect My Creation, Bilik Cempaka Aras 12A, Tower B Menara UOA Bangsar	15.08.2017

PERSIDANGAN/BENGGKEL			
Bil.	Nama staf	Persidangan/Bengkel	Tarikh
9.	Annur Thahirah Abd Hadi, Aruna J.E. Thambidorai, Nik Nur Asilah Nik Shamsuddin, Nurul Hasni Abu Hassan, Vijayalatchumy Maruthaveeran	Persidangan Perpustakaan Se-Malaysia, Dewan Tun Abu Zahar, Lembaga Pertubuhan Peladang, Jalan Sultan Salahuddin, 50480, Kuala Lumpur	12.09.2017-13.09.2017
10.	Mahbob Yusof	Elsevier Ebooks Forum 2017 – SEA. Connecting The Dots: Reshaping The Library To Enhance Research Output, Doubletree By Hilton Sukhumvit, Bangkok, Thailand	06.09.2017-09.09.2017
11.	Sutarmi Kasimun	Elsevier - 2017 SEA Ebooks Forum, Doubletree By Hilton Sukhumvit, Bangkok Thailand	06.09.2017-08.09.2017
12.	Hazlin Anita Zainal Abidin, Koh Ai Peng	2017 International Workshop For Professional Librarians: Nations' Memories And Archives Management, National Central Library, Taiwan	30.10.2017-03.11.2017
13.	Annur Thahirah Abd. Hadi, Mohammed Zaki Abd Rahman, Vijayalatchumy Maruthaveeran, Zaharani Aiyub	Konvensyen Pentadbir Muda Universiti Asean, Nilai Springs Resort Hotel	27.11.2017-29.11.2017

Penerbitan

Mohd Faizal Hamzah, Mohamad Noorman Masrek & Ilina Syazwani Musa. (2017). *Prestasi kerja pustakawan dan rekabentuk kerja*. Prosiding Persidangan Perpustakaan se-Malaysia 2017, Kuala Lumpur, Malaysia.

Mohd Faizal Hamzah, Mohamad Noorman Masrek & Ilina Syazwani Musa. (2017). Prestasi kerja pustakawan dan rekabentuk kerja. *Jurnal PPM: Journal of Malaysian Librarians*, 11 p. 59.

Mohd Faizal Hamzah, Mohamad Noorman Masrek & Muhamad Afiq Faisal Yahaya. (2017) *Research on work performance and job design in Southeast Asia countries: A publication review*. In: 3rd Postgraduate Academic Colloquium in Information Science & Information Management, July 28-30, 2017, Bangkok.

Mohd Faizal Hamzah. (2017). Perpustakaan Inklusif. In A. N. Mohamad, S. T. Sulaiman, S. M. Shuhidan, S. A. Nordin & T. A. T. Izhar (Eds.), *Transformasi pusat sumber sekolah pada alaf baru* (pp. 77). Shah Alam IM Books Everything.

Lawatan

Bil.	Pelawat	Tarikh	Jumlah Pelawat	Tempatan/ Luar Negara
1.	SMK Taman Tasik Taiping	17 Februari 2017	40 orang	Tempatan
2.	SMK Taman KOSAS	8 Mac 2017	80 orang	Tempatan
3.	SMK Taman Tasik Taiping	9 Mac 2017	44 orang	Tempatan
4.	Kompleks Al-Sa'adah, Negeri Sembilan	28 Mac 2017	44 orang	Tempatan
5.	SMK Kuala Kubu Bharu, Selangor	5 April 2017	90 orang	Tempatan
6.	SMK Bahau, Negeri Sembilan	12 April 2017	45 orang	Tempatan
7.	SMK Seri Kota Paloh	14 April 2017	40 orang	Tempatan
8.	Organisasi OrphanCare Foundation	22 April 2017	25 orang	Tempatan
9.	SM Islam Manarat Darus Salim	25 April 2017	35 orang	Tempatan
10.	Universitas Airlangga, Indonesia	26 April 2017	4 orang	Luar Negara
11.	SMK WP Kuala Lumpur (Kor Sukarelawan Siswa Siswi UM)	3 Mei 2017	88 orang	Tempatan
12.	SMK Kampung Gelam, Melaka	18 Julai 2017	40 orang	Tempatan
13.	iCOOP COLLEGE	31 Julai 2017	21 orang	Tempatan
14.	Kolej Universiti Islam Melaka	16 Ogos 2017	40 orang	Tempatan
15.	SMK Tunku Abdul Rahman Putra	25 Ogos 2017	44 orang	Tempatan
16.	SMK King George V, Negeri Sembilan	13 September 2017	36 orang	Tempatan
17.	SMK Kota Kemuning	22 September 2017	44 orang	Tempatan
18.	Wadi Sofia International School	27 September 2017	13 orang	Tempatan
19.	SK Bandar Paloh, Johor	24 Oktober 2017	55 orang	Tempatan
20.	University College of Agroscience Malaysia	25 Oktober 2017	Tiada maklumat	Tempatan
21.	Sekolah Kebangsaan Long Jaafar	2 November 2017	48 orang	Tempatan
22.	SMK Anjung Batu	2 November 2017	40 orang	Tempatan
23.	Celebes Global School Indonesia	20 November 2017	16 orang	Luar Negara

Ringkasan Aktiviti

Bil.	Tarikh	Aktiviti	Maklumat
1	26 Januari 2017	Program UM Community Fair	-
2	15 Februari 2017	Program Grooming & Communication	Anjuran: KRSPUM
3	17 Februari 2017	Mesyuarat Ikhtisas Bil.1/2017	-
